



**M P O B**

**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**  
**MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)**

Bil. Tuan / Your Ref. :

Bil. Kami / Our Ref. :

**HARI BERTEMU PELANGGAN**  
**SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN**  
Tempat: Tingkat 1 & 3, Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri  
Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya  
Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari &  
3.00 petang - 4.00 petang

(4)04 / CI / 1656/21/ JIL-2

26 November 2008

**PK (EF) MPOB 04/2008**

Yg. Bhg. Tan Sri, Dato'/Datuk, Tuan dan Puan,

**MAKLUMAT MINGGUAN KELUARAN KELAPA SAWIT.**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Industri sawit kini menghadapi cabaran paras stok minyak sawit yang tinggi dan harga yang menurun. Stok minyak sawit pada akhir bulan Oktober 2008 berada di paras tinggi sebanyak 2,086,452 tan, manakala harga minyak sawit mentah telah menurun kepada paras RM 1,450 setan pada masa ini kesan daripada paras stok minyak sawit yang tinggi, harga minyak mentah yang menurun dipasaran dunia dan kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia.

3. Sehubungan dengan itu, MPOB memerlukan kerjasama dari Yg. Bhg. Tan Sri, Dato'/Datuk, Tuan dan Puan untuk mengemukakan maklumat berkaitan petunjuk prestasi keluaran kelapa sawit secara mingguan supaya MPOB dapat memantau industri sawit dengan lebih dekat. Maklumat ini akan disalurkan kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk makluman dan bagi mengambil tindakan dengan segera untuk mengatasi masalah seperti penetapan dasar yang bersesuaian.

Wisma Sawit

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.

Telefon: 603 - 7803 5544 • Faks: 603 - 7803 3533, 7803 2323 • <http://www.mpob.gov.my>

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA

4. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 04/2008 (Pk (EF) MPOB 04/2008)** yang memperincikan maklumat yang perlu dikemukakan kepada MPOB secara mingguan sebagaimana yang diperuntukan di bawah peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.

5. Borang maklumat mingguan keluaran kelapa sawit yang diisi dengan lengkap perlu dikembalikan kepada MPOB pada setiap hari Isnin sebelum pukul 12 tengah hari.

6. Pada masa yang sama adalah diingatkan bahawa penghantaran maklumat penyata bulanan kepada MPOB melalui e-kilang sebelum 7hb setiap bulan akan berjalan seperti biasa.

7. Kerjasama Yg. Bhg. Tan Sri, Dato'/Datuk, Tuan dan Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



**(DATO' DR. MOHD BASRI WAHID)**  
Ketua Pengarah  
MPOB

s.k. Semua Pejabat Wilayah MPOB



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)  
MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk (EF) MPOB 04/2008  
Tarikh Kuatkuasa : 24 November 2008  
Perkara : **MAKLUMAT MINGGUAN MENGENAI KELUARAN  
KELAPA SAWIT BAGI KATEGORI KILANG BUAH  
KELAPA SAWIT, KILANG PENAPIS, KILANG  
OLEOKIMIA SAWIT DAN KEMUDAHAN SIMPANAN  
PUKAL.**

### **1.0 TUJUAN**

Untuk mengumpul maklumat mingguan mengenai keluaran kelapa sawit bagi memantau keadaan status terkini industri kelapa sawit.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Industri sawit kini menghadapi pelbagai cabaran terutamanya paras stok minyak sawit yang tinggi dan harga yang menurun. Stok minyak sawit pada akhir bulan Oktober 2008 berada di paras tinggi sebanyak 2,086,452 tan, manakala harga minyak sawit mentah telah menurun kepada paras RM 1,400 pada masa ini kesan daripada paras stok minyak sawit yang tinggi dan harga minyak mentah yang menurun dipasaran dunia. Prospek kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia yang disebabkan oleh krisis kewangan global yang melanda negara maju juga akan memberi kesan kepada industri sawit Malaysia.

2.2 Sehubungan dengan itu, pihak industri dipohon untuk mengemukakan beberapa maklumat penting berkaitan prestasi kategori masing-masing secara mingguan supaya industri sawit dapat dipantau dengan lebih dekat. Maklumat yang diterima setiap minggu akan disalurkan kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk makluman dan bagi mengambil tindakan dengan segera untuk mengatasi masalah seperti penetapan dasar yang bersesuaian.

### **3.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

3.1 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 iaitu syarat am bagi pemegang lesen memperuntukkan bahawa pemegang lesen hendaklah, dari semasa ke semasa, mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PENGUATKUASA)  
MPOB**

**4.0 BORANG MAKLUMAT MINGGUAN KELUARAN KELAPA SAWIT**

- 4.1 Borang bagi penyediaan maklumat mingguan keluaran kelapa sawit adalah seperti dilampirkan.
- 4.2 Borang berkenaan hendaklah diisi dengan lengkap dan dikembalikan kepada MPOB setiap hari Isnin sebelum pukul 12.00 tengahari bagi maklumat minggu sebelumnya. Sebagai contoh, borang maklumat mingguan pertama adalah untuk tempoh 24 November hingga 30 November 2008 dan perlu dikembalikan kepada MPOB pada 1 Disember 2008 (Isnin) sebelum pukul 12.00 tengahari.
- 4.3 Borang ini hendaklah dikembalikan kepada MPOB dengan menggunakan saluran e-mel [e-kilang@mpob.gov.my](mailto:e-kilang@mpob.gov.my) atau faks :03-78032323;03-78033533. Untuk keterangan lanjut sila hubungi pegawai-pegawai berkaitan seperti dalam lampiran.

**5.0 PEMAKAIAN**

- 5.1 Pekeliling Penguatkuasaan (Penguatkuasa) MPOB 04 / 2008 [Pk (EF) MPOB 04/2008] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori **kategori kilang buah kelapa sawit, kilang penapis, kilang oleokimia sawit dan kemudahan simpanan pukal.**

**6.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 24 November 2008.

**7.0 PENGESAHAN & KELULUSAN**

**DATO' DR MOHD BASRI WAHID**  
Ketua Pengarah  
MPOB

**Tarikh: 26 November 2008**

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>